



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 DECEMBER 2016

# Tahniah Harith Iskander - PM

UM - 13/12/2016

**KUALA LUMPUR 12 Dis.** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada pelawak terkenal, Harith Iskander yang memenangi pertandingan *Laugh Factory Funniest Person in the World (LFFPITW)* pada Sabtu lalu.

"Tahniah Harith Iskander kerana memenangi Pertandingan Individu Paling Lucu di Dunia anjuran The Laugh Factory. Anda memang layak!" katanya dalam catatan melalui Twitter beliau hari ini.

Harith, 50, diumumkan sebagai juara pertandingan di Helsinki, Finland itu setelah mengalahkan empat pesaingnya iaitu naib juara, Alex Calleja dari Filipina diikuti Katerina Vrana dari Greece (tempat ketiga), Mino

## Harith Iskander paling kelakar di dunia

Oleh IFODAR RAHMAN

di KUALA LUMPUR 12 DIS.

PELAWAK terkenal tanah air, Harith Iskander dianugerahkan sebagai individu paling lucu di dunia selepas berjaya memenangi empat finalis lain dalam pertandingan *Laugh Factory Funniest Person in the World (LFFPITW)*.

Di atas sahaja laman Twitter penyanyi LFFPITW, Harith Iskander dan selebriti lainnya mengumumkan kemenangan Harith dengan berhadapan dengan 100,000 orang penonton di seluruh dunia.

Harith Iskander dianugerahkan sebagai juara pertandingan ini dengan mengalahkan empat pesaingnya iaitu naib juara, Alex Calleja dari Filipina diikuti Katerina Vrana dari Greece (tempat ketiga), Mino



**KERATAN Mingguan Malaysia 4 Disember 2016.**

Van Nassau dari India (tempat keempat) dan David Kilimnick dari Israel (tempat kelima).

Pertandingan itu mengandungi tiga pusingan iaitu pusingan pertama 89 pelawak dari 56 negara bersaing untuk mendapatkan 20 tempat teratas dalam pusingan kedua (separuh akhir) sebelum lima pemenang kemudian bersaing pada pusingan ketiga (akhir).